



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**CADANGAN SOP SAMBUTAN PERAYAAN THAIPUSAM TAHUN
2022 BELUM DIMUKTAMADKAN**

08 Disember 2021, Putrajaya – Sambutan Perayaan Thaipusam pada tahun depan akan disambut pada 18 Januari 2022 dan Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif untuk mengadakan sesi libat urus bagi memastikan SOP Sambutan Perayaan Thaipusam mematuhi aspek keselamatan dan kesihatan awam.

2. Sesi libat urus yang telah diadakan pada 2 Disember 2021 telah melibatkan 10 orang pemimpin agama Hindu dari negeri Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kedah, Perak, dan Johor yang akan menyambut Sambutan Thaipusam secara besar-besaran, wakil Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan wakil Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
3. Dalam sesi libat urus berkenaan, tujuh (7) aktiviti sempena perayaan Thaipusam iaitu upacara sembahyang di kuil, Kavadi, Paal Koodam, mencukur rambut, upacara *ritual* mandi, pembukaan gerai jualan, pergerakan kereta Silver Chariot termasuk perarakan penganut telah dibincangkan. Cadangan kelulusan SOP yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti tersebut belum lagi dimuktamadkan.
4. Cadangan SOP hasil sesi libat urus tersebut seterusnya akan diangkat untuk diputuskan kelulusannya di dalam mesyuarat berikut:-
 - I. Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Pengurusan Pandemik;
 - II. Mesyuarat Kuartet Menteri; dan
 - III. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik.

5. SOP Sambutan Thaipusam akan diumumkan oleh Kementerian Perpaduan Negara setelah mendapat kelulusan dari jawatankuasa-jawatankuasa yang telah dinyatakan.

Kementerian Perpaduan Negara

08 Disember 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel : +603 8091 8041 Fax : +603 8888 8568 / 569

E-mail : pro@perpaduan.gov.my

No rujukan : KPN.UKK 1009/1/8 (108)